

Pengaruh Sikap, Persepsi, Pengamalan dan Penghayatan Terhadap Jati Diri Bahasa Melayu Generasi Z

Siti Nurul Jannah Binti Fital¹, Junaini Binti Kasdan², dan Siti Norayu Binti Mohd Basir¹

¹Universiti Malaysia Perlis

²Universiti Kebangsaan Malaysia

jannah@unimap.edu.my; junaini@ukm.edu.my; norayu@unimap.edu.my

ABSTRAK

Bahasa merupakan salah satu komponen yang penting dalam membentuk jati diri seseorang. Jati diri yang tinggi melambangkan semangat cintakan tanah air yang tidak berbelah bahagi. Jika hanya dengan pandangan mata kasar, tahap jati diri bahasa seseorang itu tidak akan dapat diukur. Perkara ini dimanifestasikan melalui tindakan seseorang terhadap bahasanya, melalui sikap, persepsi, penghayatan dan pengamalan mereka. Pembentukan jati diri bahasa seseorang akan dipengaruhi oleh keempat-empat elemen tersebut. Jika individu itu bersikap dan berpersepsi yang sangat negatif terhadap bahasanya, ditambah pula dengan penghayatan dan pengamalan terhadap bahasa yang sangat rendah, pastinya jati diri bahasanya juga akan berada pada tahap yang rendah ataupun semakin luntur. Bagi membentuk jati diri bahasa Melayu yang tinggi dan kuat dalam diri, seseorang itu perlu memiliki sikap dan persepsi yang positif diiringi dengan penghayatan dan pengamalan yang tinggi terhadap bahasa Melayu. Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengenal pasti pengaruh sikap, persepsi, pengamalan dan penghayatan bahasa Melayu terhadap pembentukan jati diri bahasa Melayu dalam kalangan generasi Z (Gen Z). Data diperoleh daripada 660 maklum balas responden yang diterima daripada soal selidik. Responden terdiri daripada Gen Z di seluruh Malaysia yang menerima undangan berdasarkan kriteria yang ditetapkan, meliputi kelompok bandar, pinggir bandar dan luar bandar. Instrumen kajian yang dibangunkan khusus untuk kajian ini mempunyai tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi, iaitu $\alpha = .75$ hingga $\alpha = .91$. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* versi 25.0. Secara umumnya hasil kajian mendapati bahawa jati diri 49.1% Gen Z berada pada tahap mula luntur, 0.5% berada pada tahap luntur, 45.0% masih berada pada tahap tinggi dan 5.20% berada pada tahap sangat tinggi. Hasil dapatan secara keseluruhannya menunjukkan keempat-empat elemen iaitu sikap, persepsi, pengamalan dan penghayatan saling memainkan peranan yang penting dalam membina jati diri bahasa Melayu Gen Z.

Kata kunci: Jati diri, sikap, persepsi, penghayatan, Gen Z

ABSTRACT

Language serves as a crucial component in shaping an individual's identity. A strong sense of identity signifies an unwavering spirit of love for one's homeland. Merely through superficial observation, the level of a person's language identity cannot be accurately measured. This is demonstrated through their actions towards their language, encompassing attitudes, perceptions, appreciation, and usage. The formation of a person's language identity is influenced by these four elements. If an individual harbors a highly negative attitude and perception towards their language, coupled with minimal appreciation and usage, their language identity will inevitably remain low or diminish over time. To foster a high and resilient Malay language identity within oneself, it is imperative to possess a positive attitude and perception, accompanied by a profound appreciation and extensive practice of the Malay language. This study aims to identify the influence of attitudes, perceptions, practice, and appreciation of the Malay language on the formation of Malay language identity among Generation Z. Data was obtained from 660 respondents

through a survey conducted through Google Form. The respondents consisted of the Generation Z throughout Malaysia who received invitations based on the set criteria, including urban, suburban and rural groups. The research instrument developed specifically for this study has a high level of validity and reliability, which is $\alpha = .75$ to $\alpha = .91$. Data were analyzed descriptively and inferentially using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) software version 25.0. In general, the results of the study found that the self-identity of 49.1% of Gen Z's is at the level of beginning to fade, 0.5% is at the level of fading, 45.0% is still at a high level, and 5.20% is at a very high level. The overall findings show that the four elements, namely attitude, perception, practice, and appreciation, play an important role in the formation of Gen Z's Malay identity.

Keywords: Identity, attitude, perception, appreciation, Gen Z

PENDAHULUAN

Jati diri, secara umumnya berkaitan dengan rangkuman nilai, budaya, bahasa, pegangan, fahaman dan pandangan sarwa sesuatu kaum. Manifestasi dari nilai-nilai tersebut membentuk watak dan sifat personal, corak berfikir, corak hidup dan penampilan diri yang menjadi simbol tradisi bangsa. Jati diri juga merupakan ciri-ciri yang dapat membezakan sesuatu kumpulan manusia dengan sesuatu kumpulan manusia yang lain. Keistimewaan dan keunikan budaya, agama, bahasa, adat yang dikongsi bersama adalah satu faktor yang membentuk jati diri seseorang (Kelman, 1997; Healy, 2017). Dalam erti kata yang lain, jati diri ialah suatu 'tanda' pengenalan yang tulen, sejati, murni dan betul yang dapat membezakan suatu dengan yang lain bagi menjamin keharmonian dan keutuhan perpaduan masyarakat Malaysia. Nilai jati diri mungkin berbeza mengikut kaum yang pelbagai tetapi nilai-nilai jati diri yang dikongsi bersama perlu disemai sebagai asas ataupun landasan (Mohd Faizal et al., 2017).

Di Malaysia misalnya, penobatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan berperanan sebagai lambang jati diri negara, dan dalam masa yang sama turut berfungsi untuk memupuk semangat patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia. Shagul Hamid (2009), menyatakan patriotisme melibatkan rasa kecintaan dan kesetiaan yang tidak berbelah bagi terhadap negara dan juga perasaan bangga terhadap apa-apa dasar dan asas pembinaan negara. Justeru, sebagai rakyat Malaysia yang mempunyai semangat patriotisme yang tinggi seharusnya berbangga menggunakan bahasa Melayu dalam semua urusan rasmi. Penggunaan bahasa Melayu merupakan salah satu cara untuk membuktikan rasa kecintaan dan kesetiaan terhadap negara dan rasa bangga dengan dasar pembinaan negara, sekali gus menunjukkan nilai jati diri yang tinggi dalam diri seorang warganegara Malaysia.

LATAR BELAKANG

Bahasa merupakan salah satu komponen yang penting dalam membentuk jati diri seseorang. Jati diri yang tinggi melambangkan semangat cintakan tanah air yang tidak berbelah bahagi. Menurut Abdullah Hassan (2009), jati diri dalam sesebuah masyarakat dicirikan oleh beberapa unsur. Antaranya termasuklah leluhur yang sama, penuturan bahasa yang sama, tempat tinggal (kedudukan geografi) yang sama, anutan agama yang sama, dan budaya yang sama. Namun, dalam konteks di Malaysia, yang rakyatnya terdiri daripada pelbagai bangsa yang mengamalkan agama dan budaya yang berbeza, satu-satunya unsur yang mencirikan jati diri sebagai bangsa Malaysia adalah penggunaan satu bahasa kebangsaan yang sama, iaitu bahasa Melayu. Sesebuah bangsa perlu mempunyai ciri yang sama, yang dikongsi bersama. Bahasa ialah aspek paling asas bagi identiti sesebuah kebudayaan yang meresap sejak turun-temurun.

Menurut Kamal Shukri (2007), sebagai warganegara Malaysia, seseorang individu itu perlu bangga serta menghormati maruah, sejarah dan martabat bahasa kebangsaannya tanpa berbelah bahagi. Kesetiaan terhadap bahasa kebangsaan ini, perlu dizahirkan melalui pengamalan bahasa Melayu. Pengkaji mengibarat cinta terhadap bahasa umpama cinta kepada kekasih, yang jika tidak didampingi, maka sering dijauhi. Pengkaji menegaskan, khususnya kepada golongan teknokrat negara, pemimpin dan pentadbir, jika benar-benar cintakan bahasa kebangsaan negara, dampingilah selalu dan berucaplah selalu dalam bahasa Melayu. Berdasarkan pendapat Kamal Shukri (2007), maka penulis menyimpulkan kesetiaan, kebanggaan dan kecintaan terhadap bahasa yang menjadi tiga ciri utama melambangkan jati diri perlu dizahirkan melalui sikap dan persepsi yang positif serta penghayatan dan pengamalan yang tinggi terhadap bahasa itu sendiri. Faktor penting dalam pengekalan sesuatu bahasa, juga memerlukan penerapan sikap dan persepsi yang positif disulamkan dengan penghayatan dan pengamalan yang tinggi terhadap sesuatu bahasa, yang dalam konteks kajian ini merujuk kepada bahasa kebangsaan.

Bahasa Melayu merupakan simbol jati diri rakyat Malaysia yang tidak semudah-mudahnya berubah, bahkan seharusnya mempunyai hubungan yang erat dengan rakyat Malaysia tanpa mengira kaum seperti yang dinyatakan oleh Teo Kok Seong (2012), jati diri adalah keupayaan untuk terus lestari seperti sedia kala meskipun dirempuh perubahan (kadang kala bersifat bertalu-talu). Takrif begini menegaskan perlunya pengekalan kesamaan dan kesinambungan sejarah pada sesebuah kelompok. Namun ledakan era globalisasi kini dilihat telah memberi kesan buruk terhadap pembentukan jati diri rakyat Malaysia, khasnya generasi Z (Gen Z).

Pada tahun 2000, telah muncul Revolusi Industri 3.0, yang memberi tumpuan kepada perkembangan bidang perkomputeran dan teknologi maklumat. Jadi, tidak hairanlah jika Gen Z ini dikenali sebagai generasi teknologi kerana sejak mereka masih belum memperoleh bahasa pertama lagi, mereka telah mula didedahkan dengan penggunaan internet, gadget dan laman sosial. Gen Z membesar dalam dunia yang semuanya berhubung menerusi teknologi sejak dari awal lagi (Siti Mahani & Nazlinda, 2015), dan terus membesar dalam kepesatan dunia teknologi yang penuh berdaya saing apabila munculnya era Revolusi Industri 4.0 (RI4.0). RI4.0 mula diperkenalkan di Jerman pada tahun 2011, dan mula mendapat perhatian apabila Forum Ekonomi Dunia yang berlangsung pada 2016 mengumumkan dunia ketika ini berada di ambang RI4.0. Malaysia antara negara yang sedang bergerak ke hadapan dalam perkembangan RI4.0. RI4.0, ialah mengenai sistem dan sistem siber-fizikal yang boleh menghubungkan dunia digital dengan manusia melalui jalur lebar tanpa wayar seperti pengeluaran telefon pintar, televisyen pintar serta rumah pintar yang terdapat di pasaran kini (Dalmia & Sharma, 2017). RI4.0 melibatkan teknologi automasi yang memberi cabaran baharu kepada semua sektor di negara ini yang memerlukan mereka untuk melakukan perubahan yang seiring dengan transformasi digital bagi mengekalkan daya saing dan menggalakkan kemajuan landskap dunia moden (Kamaruddin & Che Aleha, 2018). Transformasi digital ini telah mengubah corak manusia berkomunikasi dan memberi kesan kepada jati diri bahasa seseorang individu mahupun sesebuah bangsa.

Bahasa merupakan salah satu komponen yang penting dalam membentuk jati diri seseorang. Jati diri yang tinggi melambangkan semangat cintakan tanah air yang tidak berbelah bahagi. Dalam konteks kajian ini jati diri bahasa Melayu dizahirkan melalui sikap, persepsi, pengamalan dan penghayatan bahasa Melayu. Berdasarkan cerapan data, kajian ini mendapati latar belakang kognitif Gen Z dalam kajian ini iaitu sikap, persepsi, penghayatan dan pengamalan turut mempengaruhi pembentukan jati diri bahasa Melayu.

PENYATAN MASALAH

Permasalahan kajian merupakan pernyataan ringkas mengenai isu-isu penting yang menjadi pertimbangan untuk diteliti dan diselesaikan dalam kajian ini. Idid (2015), mendeskripsikan permasalahan kajian sebagai suatu kekusutan yang ditentukan dan dibentuk berdasarkan perkara yang berlaku, dalam kehidupan seharian dan perlu dirungkai untuk mencari jawapannya.

Malaysia didasari oleh masyarakat pluraliti yang membawa bersama perbezaan kehendak dan kemahuan sekaligus mahu menjaga kepentingan kaum dan etnik sendiri. Bagi sebuah negara yang dihuni oleh masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya, perpaduan adalah sangat penting dalam menjamin keharmonian negara. Bagi mewujudkan perpaduan antara kaum, sesebuah negara memerlukan satu medium yang dapat dijadikan pegangan oleh semua kaum tanpa mengira agama dan budaya. Medium yang menjadi pegangan semua kaum inilah akhirnya menjadi satu identiti untuk negara. Dalam konteks di Malaysia mengguna dan mengamalkan bahasa Melayu dalam setiap aspek merupakan lambang jati diri rakyat Malaysia. Namun, pengiktirafan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi satu ketika dulu merupakan keperluan yang mendesak menjelang Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Setelah lebih 60 tahun negara mencapai kemerdekaan, corak berbahasa rakyat Malaysia yang mempunyai ideologi yang berbeza-beza ini telah banyak berubah. Keteguhan jati diri bahasa Melayu mereka tidak dapat dipastikan tanpa kajian yang komprehensif. Tambahan lagi dengan kemaraan RI4 yang sangat mementingkan penguasaan bahasa asing dilihat mampu mengikis keteguhan jati diri penutur bahasa Melayu.

Zaliza & Zaitul Azma (2014) menyatakan, globalisasi merupakan suatu gejala khusus dalam tamadun manusia yang bergerak terus dalam populasi global dan merupakan sebahagian proses manusia global yang menyentuh aspek kehidupan secara komprehensif. Zulkifley et al. (2010) yang mendapati remaja berumur 20 tahun ke bawah cenderung untuk memilih dan dipengaruhi budaya luar. Kajian pengkaji turut menunjukkan bahawa modenisasi, globalisasi dan perkembangan sains dan teknologi telah mempengaruhi minda remaja, sehingga menyebabkan wujudnya ketidakpercayaan terhadap kemampuan bahasa Melayu dalam dunia globalisasi. Gejala yang sama turut berlaku kepada bahasa Melayu Brunei apabila kajian Jalaludin (2008), mendapati, generasi yang berumur 20 tahun ke bawah sudah menganggap bahasa Melayu Brunei dalam sistem sapaan keluarga sudah tidak laku pemakaiannya di zaman mereka, kerana mereka lebih selesa menggunakan bahasa sapaan dalam bahasa Inggeris. Bahasa Melayu Brunei juga menurut pengkaji, dilihat tidak mempunyai kepentingan dan tidak mempunyai nilai ekonomi kerana penggunaan bahasa Inggeris lebih dominan dalam memacu ekonomi negara Brunei. Globalisasi memberi implikasi yang buruk terhadap jati diri bahasa sesebuah bangsa turut disokong oleh Marsudi (2009), yang mendapati perkembangan pesat era teknologi digital telah menuntut penguasaan yang tinggi terhadap bahasa Inggeris telah meminggirkan kedudukan bahasa Indonesia. Kajian tersebut juga mendapati rasa bangga terhadap bahasa Indonesia yang menjadi lambang jati diri bangsa Indonesia telah menurun kerana sikap masyarakat lebih memilih penggunaan bahasa asing berbanding bahasa Indonesia.

Kesan RI4 turut melibatkan perubahan struktur akademik di peringkat pengajian tinggi. Semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT), sama ada awam mahupun swasta berusaha keras bagi memastikan produk yang dihasilkan melalui program-program yang ditawarkan memenuhi tuntutan pasaran pekerjaan yang bertunjangkan RI4. Sawal Hamid dalam Noor Azizah (2019) melihat sistem pendidikan Tinggi Malaysia sedang bergerak ke hadapan dalam perkembangan RI4. Kajian jati diri bahasa Melayu dalam kalangan pelajar UA yang dijalankan oleh Zamri et al. (2017) mendapati aspek pengamalan bahasa Melayu pelajar, didapati paling rendah berbanding aspek pemahaman dan penghayatan di semua UA yang dikaji. Menurut pengkaji fenomena ini berlaku akibat penekanan kepada penguasaan lisan dan tulisan dalam bahasa Inggeris oleh pihak universiti telah mempengaruhi pembentukan tahap jati diri bahasa Melayu dari segi pemahaman,

penghayatan dan khususnya dari segi pengamalan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar aliran pendidikan UA yang terlibat.

Kelangsungan dan kepupusan sesuatu bahasa amat berkait rapat dengan tahap jati diri penutur bahasanya. Di barat kajian-kajian yang berkaitan dengan imperialisme bahasa (*Language Imperialism*) dan kepupusan bahasa (*Endangered Language*). menunjukkan terdapat hubungan antara bahasa-bahasa yang pupus dan terancam ini dengan jati diri penuturnya. Kajian Norton (2020) misalnya, menunjukkan bahawa dalam komuniti yang menuturkan bahasa minoriti, terdapat dua jenis kelompok. Pertama, kelompok komuniti yang akan berasimilasi dengan bahasa yang lebih dominan yang akhirnya akan kehilangan jati diri bahasa warisan mereka. Kelompok seterusnya, ialah komuniti yang berakulturasi dengan bahasa dominan. Kelompok kedua ini, mempunyai jati diri yang kuat dalam memelihara warisan bahasa tanpa mengira di mana keberadaan mereka.

Kajian Yamasaki (2020), Zwisler (2018), Akinkurolere (2018), dan Beck & Lam (2008) yang melihat kepupusan bahasa pribumi akibat tuntutan globalisasi mencatatkan bahawa masalah tersebut sebenarnya berpunca daripada jati diri penuturnya yang tidak kuat. Kelunturan jati diri ini akhirnya memandang bahasa asing itu lebih tinggi nilainya berbanding bahasa sendiri, dan akhirnya memusnahkan usaha untuk memelihara bahasa pribumi. Sikap yang suka membanggakan penggunaan bahasa asing, akhirnya mengubah jati diri mereka terhadap bahasa dan budaya asal. Sikap negatif sebegini menjadi pendorong kepada penurunan bahasa warisan. Kajian oleh Venturin (2019) pula menunjukkan bahawa, sentimen atau emosi yang kuat mampu mempengaruhi hubungan antara jati diri dan bahasa, khususnya dalam kalangan responden kajian yang dilakukan. Dapatan kajian juga menunjukkan, kognitif seseorang memainkan peranan yang besar, yang mampu mempengaruhi perspektif seseorang tentang peranan bahasa mereka dalam membina jati diri.

Sebagai rumusan, cetusan permasalahan yang telah ditimbulkan dan gabungan idea dari kesemua kajian yang telah dirintis oleh pengkaji terdahulu telah menguja minat dan membuka ruang untuk penulis memperluas bidang yang dikaji kepada skop dan perspektif yang lebih luas. Oleh itu, kajian ini akan mengangkat permasalahan tentang jati diri yang memberikan tumpuan kepada Gen Z, dengan komponen-komponen yang boleh mempengaruhi pembentukan jati diri, seperti yang pernah dinyatakan oleh pengkaji terdahulu antaranya sikap, persepsi, penghayatan dan pengamalan.

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengenal pasti tahap sikap, persepsi, pengamalan, penghayatan dan jati diri bahasa Melayu dalam kalangan Gen Z; dan
- ii. Mengenal pasti hubungan sikap, persepsi, penghayatan dan pengamalan terhadap bahasa Melayu dengan jati diri bahasa Melayu Gen Z.

METODOLOGI KAJIAN

Fokus kajian ini adalah penelitian terhadap pengaruh sikap, persepsi, pengamalan dan penghayatan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Gen Z terhadap pembinaan jati diri mereka. Data kuantitatif deskriptif yang diperoleh daripada soal selidik dimanfaatkan dalam kajian ini. Seramai 660 orang pelajar dari Gen Z yang lahir sekitar tahun 1998 - 2000 dipilih berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan untuk menjadi responden kajian ini. Instrumen yang dibangunkan khas untuk kajian terdiri daripada satu set soal selidik yang dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian A bertujuan untuk mendapatkan demografi Gen Z, bahagian B bertujuan untuk mengkaji pengamalan Gen Z terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Soalan-

soalan untuk menguji pengamalan dibina dengan menggunakan skala Likert 10 skala. Skala ini diambil dan diolah berdasarkan kajian Indeks Belia Malaysia 2011 (IBM 2011).

Skala Komponen Jati Diri

Bagi tujuan penginterpretasian skor, didapati skala min penuh bagi setiap komponen yang membentuk jati diri ialah 10. Skala min maksimum ialah 10, manakala skala min minimum bagi ialah 0. Seterusnya, berdasarkan skor min 0 - 10, maka penginterpretasian bagi komponen jati diri sikap, persepsi, pengamalan dan penghayatan dikelompokkan seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1 Skala min dan tahap interpretasi sikap, persepsi, penghayatan dan pengamalan

Skala Min	Tahap Interpretasi Sikap & Persepsi	Tahap Interpretasi Penghayatan & Pengamalan
0 – 3.99	Sangat negatif	Sangat rendah
4.00 – 5.99	Negatif	Rendah
6.00 – 7.99	Positif	Tinggi
8.00 – 10.00	Sangat positif	Sangat tinggi

Skala Jati Diri

Selanjutnya, skor jati diri Gen Z terhadap bahasa Melayu pula ditentukan berdasarkan jumlah skor penuh min komponen jati diri. Skor penuh min bagi keempat-empat komponen jati diri ini dijumlahkan kemudian dibahagikan kepada jumlah soalan dalam soal selidik bagi mendapatkan jumlah skor penuh min jati diri bahasa Melayu. Berdasarkan pengiraan tersebut, didapati jumlah maksimum skor min bagi Gen Z yang mempunyai tahap jati diri yang sangat tinggi ialah 10, manakala skor paling rendah bagi Gen Z yang sudah luntur jati diri ialah 0. Kemudian hasil skor min ini dikelompokkan kepada empat tahap berdasarkan skala min 0–10, seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2 Skala min dan tahap interpretasi jati diri bahasa Melayu Gen Z

Skala Min	Tahap Interpretasi Jati Diri
0 – 3.99	Luntur jati diri
4.00 – 5.99	Mula luntur jati diri / rendah
6.00 – 7.99	Tinggi jati diri
8.00 – 10.00	Sangat tinggi jati diri

Penganalisisan Data

Data yang diperoleh dari soal selidik diproses dan dianalisis menggunakan Pakej Statistik Sains Sosial versi 25 (SPSS. Vol.25). Perisian ini membantu proses penganalisisan data yang telah diinput, di samping membantu menghasilkan graf dan carta yang diperlukan. Bagi memudahkan pemahaman, penganalisisan data akan dibantu dengan carta, graf atau jadual yang berkaitan. Antara alat statistik yang akan digunakan ialah ujian silang (*Crosstabs*), iaitu ujian yang bertujuan untuk menentukan atau untuk melihat sama ada wujud hubungan atau perkaitan yang signifikan antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar dalam kajian ini. Data-data diuji menggunakan pendekatan deskriptif untuk melihat perkaitan yang wujud antara pemboleh ubah menggunakan nilai Khi Kuasa Dua, χ^2 dengan kebarangkalian (p) dan tahap kesignifikanan yang ditentukan ($\alpha = 0.05$). Sekiranya nilai kebarangkalian (p) lebih kecil atau sama dengan tahap kesignifikanan yang ditentukan (α), maka hipotesis nul (H_0) ditolak.

DAPATAN KAJIAN

Tahap Sikap, Persepsi, Pengamalan Dan Penghayatan Bahasa Melayu Dalam Kalangan Gen Z

Sikap

Sikap, secara umum didefinisikan oleh Muller (1992), sebagai pengaruh atau penolakan, penilaian, suka atau tidak suka, terhadap suatu perkara. Sikap merupakan unsur keperibadian yang wujud dalam jiwa seseorang yang mampu mempengaruhi pandangannya dan tingkah lakunya terhadap sesuatu perkara sama ada positif atau negatif. Sikap adalah salah satu istilah bidang psikologi yang berhubungan dengan persepsi dan tingkah laku. Menelusuri pandangan Fishbein & Ajzen (1975) pula, menyatakan sikap terbentuk dari tiga komponen utama iaitu kognitif, afektif dan psikomotor. Komponen kognitif berkaitan dengan pengetahuan, pandangan, keyakinan, iaitu hal-hal yang berhubungan dengan bagaimana persepsi seseorang terhadap objek sikap. Sementara itu, komponen afektif berhubung dengan rasa senang atau tidak senang terhadap objek sikap. Rasa senang merupakan hal yang positif, manakala rasa tidak senang adalah hal negatif. Komponen psikomotor berhubung dengan kecenderungan bertindak atau berperilaku terhadap objek sikap.

Berdasarkan pengiraan skor yang telah dinyatakan pada bahagian metodologi kajian di atas, hasil analisis kekerapan min sikap yang dilakukan menggunakan SPSS secara umumnya diperincikan melalui Jadual 3;

Jadual 3 Kekerapan min sikap Gen Z

Tahap Interpretasi	Kekerapan min (N)	Peratusan (%)
Sangat negatif	95	14.4
Negatif	315	47.7
Sangat positif	216	32.7
Positif	34	5.2
Jumlah	660	100.0

Persepsi

Sebahagian besar sikap dan tingkah laku dalam kehidupan seseorang itu dipengaruhi oleh persepsi. Persepsi sering kali dikaitkan dengan proses penilaian seseorang terhadap objek tertentu sama ada menyukainya atau sebaliknya dan bergantung kepada cara individu itu menanggapi objek tersebut. Menurut Kotler (2000), persepsi merupakan proses bagaimana seseorang memilih, mengatur dan menginterpretasikan input informasi untuk menghasilkan gambaran keseluruhan yang bermakna. Junaidi & Mohd Fuad (2012), persepsi merupakan proses yang mana seseorang individu memilih, menerima, mengorganisasi dan menginterpretasikan maklumat daripada persekitarannya. Persepsi adalah kepelbagaian dan sukar untuk ditangani jika tidak diurus dengan baik.

Secara umumnya, hasil analisis kekerapan min persepsi yang dilakukan menggunakan SPSS menunjukkan majoriti daripada Gen Z dalam kajian mempunyai persepsi yang negatif terhadap bahasa Melayu dengan pecahan 55.6% negatif dan 17.4% sangat negatif. Kajian menunjukkan hanya 27.0% Gen Z yang mempunyai persepsi yang positif terhadap bahasa Melayu dengan pecahan positif 13.2% dan sangat positif 13.8%. Kekerapan min dan tahap interpretasi persepsi

Gen Z terhadap bahasa Melayu ini diperincikan melalui Kekerapan min dan tahap interpretasi persepsi Gen Z terhadap bahasa Melayu ini diperincikan melalui Jadual 4.

Jadual 4 Kekerapan min persepsi Gen Z

Tahap Interpretasi	Kekerapan min (N)	Peratusan (%)
Sangat negatif	115	17.4
Negatif	367	55.6
Sangat positif	91	13.8
Positif	87	13.2
Jumlah	660	100.0

Pengamalan

Pengamalan berasal daripada kata dasar 'amal' yang membawa maksud pekerjaan atau perbuatan baik yang mendatangkan faedah kepada orang lain, 'amalan' pula ialah sesuatu perkara yang sudah menjadi kebiasaan dilakukan, manakala 'pengamalan' merujuk kepada perihal melakukan mengamalkan atau mengerjakan sesuatu (prpm.dbp.gov). Dalam konteks kajian ini ciri-ciri bagi pengamalan bahasa dalam kalangan Gen Z dilihat melalui penggunaan dan pemilihan bahasa dalam setiap urusan mereka. Zamri Mahamod et al. (2017), menjelaskan pengamalan bahasa Melayu mempunyai hubung kait dengan tahap jati diri bahasa Melayu.

Hasil analisis kekerapan min pengamalan yang dilakukan menggunakan SPSS menunjukkan tahap pengamalan bahasa Melayu Gen Z dalam kajian ini berada pada tahap yang tinggi dengan pecahan sangat tinggi 9.8% dan tinggi 50.2%. Kajian menunjukkan terdapat 38.6% Gen Z yang mempunyai pengamalan yang rendah terhadap bahasa Melayu dan 13.8% lagi berada pada tahap pengamalan yang sangat rendah. Kekerapan min dan tahap interpretasi pengamalan Gen Z terhadap bahasa Melayu ini diperincikan melalui jadual 5.

Jadual 5 Kekerapan min pengamalan Gen Z

Tahap Interpretasi	Kekerapan min (N)	Peratusan (%)
Sangat Rendah	9	1.4
Rendah	255	38.6
Tinggi	331	50.2
Sangat Tinggi	65	9.8
Jumlah	660	100.0

Penghayatan

Penghayatan merupakan perihal menghayati, perihal mengalami dan merasai dalam batin (prpm.dbp.gov). Penghayatan menggambarkan perihal atau proses menghayati atau mendalami, menjiwai sesuatu sama ada melalui penglihatan, pendengaran, pembacaan atau sebagainya. Seseorang itu dapat merealisasikan sesuatu yang ditanggapinya dalam kehidupan sama ada secara individu atau masyarakat melalui proses penghayatan. 'Hayat' dalam bahasa Arab bermakna hidup. Bertepatan dengan maksud dari segi bahasa yang berakar kata kepada hayat,

seseorang yang menghayati bahasa kebangsaannya akan menjadikan bahasa itu 'hidup' dalam diri dan luarannya.

Jadual 6 menunjukkan kekerapan min dan tahap interpretasi penghayatan Gen Z dalam kajian ini terhadap bahasa Melayu. Secara umumnya, berdasarkan kekerapan min yang dipaparkan, didapati majoriti iaitu 83.4% Gen Z dalam kajian ini mempunyai tahap penghayatan yang tinggi terhadap bahasa Melayu, dengan pecahan 43.6% tinggi dan 39.8% sangat tinggi tahap penghayatan terhadap bahasa Melayu. Sementara hanya 16.00% sahaja Gen Z mempunyai penghayatan yang rendah terhadap bahasa Melayu dengan pecahan 15.5% rendah dan 1.1% sangat rendah.

Jadual 6 Kekerapan min penghayatan Gen Z

Tahap Interpretasi	Kekerapan min (N)	Peratusan (%)
Sangat Rendah	7	1.1
Rendah	102	15.5
Tinggi	288	43.6
Sangat Tinggi	263	39.8
Jumlah	660	100.0

Tahap Jati Diri Bahasa Melayu Dalam Kalangan Gen Z

Purata min jati diri bahasa Melayu bagi Gen Z berada pada tahap mula luntur jati diri. Skala min dan tahap interpretasi jati diri bahasa Melayu Gen Z telah pun dinyatakan pada bahagian metodologi kajian sebelum ini (rujuk Jadual 2). Analisis kekerapan bagi skala jati diri yang dijalankan menggunakan SPSS juga menunjukkan secara majoriti iaitu sebanyak 49.1% Gen Z dalam kajian ini berada pada tahap mula luntur jati diri. Perincian kekerapan skala min jati diri Gen Z dipaparkan dalam jadual 7.

Jadual 7 Kekerapan min jati diri Gen Z

Tahap Interpretasi	Kekerapan min (N)	Peratusan (%)
Luntur Jati Diri	3	.5
Mula Luntur Jati Diri	324	49.1
Tinggi Jati Diri	299	45.3
Sangat Tinggi Jati Diri	34	5.2
Jumlah	660	100.0

Berdasarkan output dalam Jadual 7, dapat disimpulkan secara majoritinya jati diri bahasa Melayu Gen Z dalam kajian ini sudah mula meluntur. Dapatan seumpama pernah dicatatkan oleh Siti Rahimah, Raja Masittah & Normahdiah dalam kajiannya yang dilakukan pada tahun 2014. Pengkaji menjelaskan bahawa jati diri terhadap bahasa kebangsaan semakin meluntur disebabkan tumpuan yang lebih kepada bahasa Inggeris. Kajian lain yang menunjukkan ketirisan tahap jati diri juga pernah dilakukan oleh Ramlah (2005). Menurut ketirisan, pengurangan dan kelunturan pemahaman, penghayatan dan pengamalan Rukun Negara dalam kalangan pelajar IPT di Malaysia sudah berlaku. Kajian oleh Hashim (2008) pula, mendapati ramai orang


Melayu sudah mula luntur jati diri dari aspek nilai, tetapi masih kekal jati diri dari aspek agama, ilmu dan didik. Seterunya kajian oleh Mohd. Yusof et al. (2010), pula mendapati hanya 54.6% sahaja pelajar IPT di Malaysia yang masih kukuh jati diri.

Melalui kajian ini, didapati sebanyak 0.5% Gen Z dalam kajian ini sudah luntur jadi diri bahasa Melayu, 49.1% mula luntur jati diri bahasa Melayu, 45.3% masih tinggi jati diri bahasa Melayu dan hanya 5.2% sahaja yang mempunyai jati diri bahasa Melayu yang sangat tinggi. Hasil kajian menunjukkan sikap, persepsi, pengamalan dan penghayatan Gen Z terhadap bahasa Melayu akan mempengaruhi tahap jati diri bahasa Melayu mereka.

Pengaruh Sikap, Persepsi, Pengamalan dan Penghayatan Terhadap Jati Diri Bahasa Melayu Gen Z

Bahagian ini akan menghuraikan secara deskriptif pengaruh sikap, persepsi, pengamalan dan penghayatan terhadap jati diri bahasa Melayu dalam kalangan Gen Z. Melihat sikap mampu mempengaruhi pembentukan jati diri, maka kajian ini mengemukakan hipotesis bahawa terdapat hubungan jati diri bahasa Melayu yang signifikan dengan sikap dalam kalangan Gen Z. Hasil ujian Khi Kuasa Dua, $\chi^2 = 373.7888^a$, $p = 0.000 < 0.05$, menunjukkan bahawa kajian mendapat bukti yang cukup untuk menerima hipotesis tersebut dan **menolak hipotesis nul (H_0) yang mengatakan tidak terdapat hubungan jati diri bahasa Melayu yang signifikan dengan sikap dalam kalangan Gen Z.**

Dalam kajian ini, didapati Gen Z yang mempunyai sikap yang sangat positif, berada pada taburan sangat tinggi jati diri dan tinggi jati diri. Gen Z yang bersikap positif terhadap bahasa Melayu pula berada pada tahap tinggi jati diri dan sangat tinggi jati diri. Perincian ini dapat dilihat melalui gambar rajah 1.




Gambar rajah 1. Pengaruh sikap terhadap jati diri bahasa Melayu Gen Z.

Berdasarkan gambar rajah 1, menunjukkan taburan tahap jati bahasa Melayu Gen Z berdasarkan sikap mereka terhadap bahasa Melayu. Secara keseluruhannya kajian ini mendapati bahawa sikap merupakan asas kognitif yang penting dalam membentuk jati diri seseorang. Dapatan kajian ini, menunjukkan 47.7% Gen Z dalam kajian ini mempunyai sikap yang negatif, 14.4% mempunyai sikap yang sangat negatif, manakala 5.2% Gen Z mempunyai sikap yang positif dan 32.7% mempunyai sikap yang sangat positif terhadap bahasa Melayu. Gen Z yang mempunyai sikap yang sangat positif terhadap bahasa Melayu dan 52.9% daripadanya berada pada taburan

sangat tinggi jati diri manakala 47.1% lagi berada pada tahap tinggi jati diri bahasa. Gen Z yang bersikap positif terhadap bahasa Melayu pula majoritinya iaitu sebanyak 76.9% daripadanya berada pada tahap tinggi jati diri dan 6.9% lagi daripadanya berada pada tahap sangat tinggi jati diri. Bagi Gen Z yang bersikap negatif terhadap bahasa Melayu, golongan ini berada pada tahap sangat tinggi jati diri (0.3%), tinggi jati diri (34.6%), mula luntur jati diri (64.8%) dan luntur jati diri (0.3%). Gen Z yang mempunyai sikap bahasa yang sangat negatif terhadap bahasa Melayu pula, 89.5% berada pada tahap mula luntur jati diri bahasa. Kajian ini mendapati Gen Z yang mempunyai sikap yang sangat negatif tidak mungkin akan mempunyai jati diri bahasa Melayu yang sangat tinggi, begitu juga dengan Gen Z yang mempunyai sikap bahasa yang sangat positif tidak mungkin akan luntur jati diri bahasa Melayu mereka.

Seterusnya kajian ini turut mengandaikan persepsi Gen Z terhadap bahasa Melayu turut mempengaruhi pembentukan jati diri bahasa mereka, justeru kajian ini mengemukakan hipotesis bahawa terdapat hubungan jati diri bahasa Melayu yang signifikan dengan persepsi dalam kalangan Gen Z. Hasil ujian Khi Kuasa Dua, $\chi^2 = 340.557^a$, $p = 0.000 < 0.05$, menunjukkan bahawa kajian mendapat bukti yang cukup untuk **menolak hipotesis null (H_0) yang mengatakan tidak terdapat hubungan jati diri bahasa Melayu yang signifikan dengan persepsi dalam kalangan Gen Z.**

Secara umumnya, kajian ini mendapati hanya 27.0% Gen Z dalam kajian ini mempunyai persepsi yang positif manakala 73.0% lagi mempunyai persepsi yang negatif terhadap bahasa Melayu. Persepsi Gen Z terhadap bahasa Melayu ini akan memberi kesan terhadap tahap jati diri bahasa mereka. Hal ini dapat dilihat melalui gambar rajah 2.




Gambar rajah 2. Pengaruh persepsi terhadap jati diri bahasa Melayu Gen Z.

Melalui gambar rajah 2, dapat dilihat tahap jati diri bahasa Melayu Gen Z berdasarkan persepsi mereka terhadap bahasa Melayu. Secara keseluruhan kajian ini menunjukkan persepsi Gen Z terhadap bahasa Melayu mampu mempengaruhi pembentukan jati diri Gen Z dalam kajian ini. Dapatan kajian mendapati, hanya 13.2% Gen Z mempunyai persepsi yang positif dan 13.8% berpersepsi sangat positif terhadap bahasa Melayu. Manakala sebanyak 55.6% Gen Z dalam kajian ini berpersepsi negatif dan sebanyak 17.4%, berpersepsi sangat negatif terhadap bahasa Melayu. Dapatan kajian berjaya membuktikan persepsi Gen Z terhadap bahasa Melayu ini akan mempengaruhi tahap jati diri bahasa Melayu mereka. Kajian ini juga membuktikan Gen Z yang mempunyai persepsi sangat positif terhadap bahasa Melayu, sebanyak 60.9% daripada mereka

berada pada taburan tinggi jati diri, dan sebanyak 37.9% berada pada tahap sangat tinggi jati diri bahasa. Gen Z yang berpersepsi positif terhadap bahasa Melayu pula ialah sebanyak 76.9% daripada mereka berada pada tahap tinggi jati diri bahasa, manakala 1.1% lagi berada pada tahap sangat tinggi jati diri bahasa. Terdapat Gen Z yang mempunyai persepsi positif terhadap bahasa Melayu tetapi tahap jati dirinya sudah mula meluntur, tetapi menunjukkan peratusan yang rendah iaitu sebanyak 22.0% sahaja.

Secara majoritinya sebanyak 55.6%, Gen Z dalam kajian ini mempunyai persepsi yang negatif terhadap bahasa Melayu, dan 57.5% daripada mereka berada pada tahap mula luntur jati diri bahasa. Bagi Gen Z yang berpersepsi sangat negatif terhadap bahasa Melayu pula, mereka berada pada tahap mula luntur jati diri (80.0%), luntur jadi diri (1.7%) dan tinggi jati diri (18.3%). Gen Z yang mempunyai persepsi bahasa yang sangat negatif tidak mungkin akan mempunyai jati diri bahasa Melayu yang tinggi, begitu juga dengan Gen Z yang mempunyai persepsi bahasa yang sangat positif tidak mungkin akan luntur jati diri bahasa Melayu mereka.

Kajian ini juga melihat pengamalan Gen Z terhadap bahasa Melayu turut mempengaruhi pembentukan jati diri bahasa mereka, justeru kajian ini mengemukakan hipotesis bahawa terdapat hubungan jati diri bahasa Melayu yang signifikan dengan pengamalan dalam kalangan Gen Z. Hasil ujian Khi Kuasa Dua, $\chi^2 = 636.940^a$, $p = 0.000 < 0.05$, menunjukkan bahawa kajian mendapat bukti yang cukup untuk menerima hipotesis tersebut dan **menolak hipotesis null (H_0) yang mengatakan tidak terdapat hubungan jati diri bahasa Melayu yang signifikan dengan pengamalan dalam kalangan Gen Z**. Tambahan pula, nilai π ($w = 0.567$) menunjukkan pertalian yang berlaku adalah pertalian yang kuat. Secara umumnya, hasil cerapan data kajian ini mendapati 89.0% Gen Z mempunyai tahap pengamalan yang tinggi dan mereka berada pada taburan tinggi jati diri, sementara Gen Z yang mempunyai tahap pengamalan yang rendah pula, berada pada taburan mula luntur dan luntur jati diri. Perbezaan ini dapat dilihat dengan lebih terperinci melalui gambar rajah 3.




Gambar rajah 3. Pengaruh pengamalan terhadap jati diri bahasa Melayu Gen Z.

Berdasarkan gambar rajah 3, dapat dilihat pengaruh pengamalan bahasa Melayu terhadap pembentukan jati diri bahasa Gen Z. Hasil ujian silang kajian ini mendapati dari segi pengamalan bahasa Melayu secara majoritinya iaitu seramai 331 orang Gen Z dalam kajian mempunyai tahap pengamalan bahasa Melayu yang tinggi. Daripada jumlah tersebut sebanyak 67.7% berada pada

tahap tinggi jati diri, 1.8% sangat tinggi jati diri dan 30.5% berada pada tahap mula luntur jati diri. Bagi 65 orang Gen Z yang mempunyai tahap pengamalan bahasa Melayu yang sangat tinggi pula, kajian ini membuktikan 43.1% daripada mereka berada pada tahap tinggi jati diri dan 56.9% berada pada tahap sangat tinggi jati diri. Kajian ini juga mendapati, Gen Z yang mempunyai tahap pengamalan bahasa Melayu yang sangat rendah, majoriti daripada mereka iaitu sebanyak 66.7% sudah mula luntur jati dirinya dan sebanyak 33.3% sudah pun luntur jati dirinya. Bagi Gen Z yang mempunyai tahap pengamalan yang rendah pula, majoritinya iaitu sebanyak 85.1% berada pada tahap sudah mula luntur jati diri.

Berikutnya, mengenai pengaruh penghayatan terhadap pembentukan jati diri bahasa Melayu Gen Z. Kajian ini telah mengemukakan hipotesis bahawa terdapat hubungan jati diri bahasa Melayu yang signifikan dengan penghayatan dalam kalangan Gen Z. Hasil ujian Khi Kuasa Dua, $\chi^2 = 371.242^a$, $p = 0.000 < 0.05$, menunjukkan bahawa kajian ini mendapat bukti yang cukup untuk menerima hipotesis tersebut. **Hipotesis nul (H_0) yang mengatakan tidak terdapat hubungan jati diri bahasa Melayu yang signifikan dengan penghayatan bahasa Melayu yang berbeza dalam kalangan Gen Z, ditolak.** Nilai π ($w = 0.433$) menunjukkan pertalian yang berlaku adalah pertalian yang sederhana.

Kajian ini mendapati gambaran keseluruhan 84.0% tahap penghayatan Gen Z terhadap bahasa Melayu berada pada tahap yang tinggi. Hanya 16.0% Gen Z mempunyai penghayatan yang rendah terhadap bahasa Melayu. Hasil kajian juga membuktikan tahap jati diri bahasa Melayu Gen Z turut dipengaruhi oleh tahap penghayatan mereka terhadap bahasa Melayu. Perincian perbezaan taburan jati diri bahasa Melayu Gen Z berdasarkan komponen jati diri penghayatan dipaparkan melalui gambar rajah 4 di bawah.



Gambar rajah 4. Pengaruh penghayatan terhadap jati diri bahasa Melayu Gen Z.

Berdasarkan gambar rajah 4, terbukti bahawa perbezaan tahap penghayatan terhadap bahasa Melayu dalam kalangan Gen Z akan mempengaruhi tahap jati diri bahasa Melayu mereka. Kajian ini mendapati penghayatan terhadap bahasa Melayu akan memperkukuh jati diri seseorang. Dalam kajian ini didapati, tahap penghayatan Gen Z terhadap bahasa Melayu berada pada tahap yang tinggi 43.6% dan sangat tinggi 39.8%. Hanya 1.1% Gen Z mempunyai penghayatan terhadap

bahasa Melayu yang sangat rendah dan 15.5% mempunyai penghayatan yang rendah terhadap bahasa Melayu. Gen Z yang mempunyai penghayatan yang sangat tinggi terhadap bahasa Melayu, mereka berada pada taburan tinggi jati diri (60.5%) dan sangat tinggi jati diri bahasa (10.3%). Gen Z yang mempunyai tahap penghayatan yang rendah terhadap bahasa Melayu pula ialah seramai 102 orang dan 76.5% daripada mereka berada pada tahap mula luntur jati diri. Manakala hanya tujuh orang Gen Z yang mempunyai tahap penghayatan yang sangat rendah, 42.9% daripada mereka sudah mula meluntur jati dirinya dan jumlah yang sama sudah pun luntur jadi dirinya. Secara keseluruhannya, sebanyak 43.6% (288) Gen Z dalam kajian ini mempunyai tahap penghayatan yang tinggi terhadap bahasa Melayu dan mereka berada pada taburan sangat tinggi jati diri (2.4%), tinggi jati diri (39.9%) dan mula luntur jati diri (57.6%).

KESIMPULAN

Berdasarkan hasil cerapan yang dipaparkan dapat dirumuskan, jika sikap dan persepsi Gen Z terhadap bahasa Melayu berada pada tahap sangat negatif, penghayatan dan pengamalan terhadap bahasa Melayu pula berada pada tahap sangat rendah, taburan jati diri bahasa Melayu mereka akan berada pada tahap luntur atau semakin luntur jati diri. Sikap dan persepsi yang positif disertakan dengan penghayatan dan pengamalan yang tinggi terhadap bahasa Melayu merupakan faktor penting dalam pembentukan jati diri bahasa Melayu yang tinggi dan kuat dalam diri seseorang. Analisis keterkaitan antara sikap, persepsi, pengamalan dan penghayatan Gen Z dengan jati diri bahasa Melayu menunjukkan bahawa keempat-empatnya mempunyai peranan dalam mempengaruhi pembentukan jati diri bahasa Melayu Gen Z. Bagi melihat tahap jati diri bahasa Melayu Gen Z secara terperinci, beberapa item yang dianggap dapat memberi gambaran tentang jati diri bahasa telah diujikan kepada responden melalui borang soal selidik. Hasil dapatan telah membuktikan bahawa perbezaan kognitif membawa kepada perbezaan tahap jati diri bahasa. Jati diri bahasa Melayu Gen Z secara keseluruhannya berada pada tahap mula luntur jati diri (49.1%). Sikap dan persepsi yang lebih cenderung kepada bahasa asing, khususnya bahasa Inggeris didapati menjadi punca berlakunya kelunturan jati diri bahasa Melayu Gen Z dalam kajian ini. Namun, pengamalan dan penghayatan yang positif dilihat menjadi faktor yang menyeimbangkan taburan jati diri bahasa Melayu mereka untuk berada pada tahap tinggi jati diri.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. 2009. Bahasa Melayu di persimpangan: antara jati diri dengan rempuhan globalisasi. *Jurnal Kemanusian*, 16: 59-81.
- Akinkurolere, S. O. 2018. A Study on the Extinction of Indigenous Languages in Nigeria: Causes and Possible Solutions. *Annals of Language and Literature*, 2(1), 22-26.
- Beck, D., & Lam, Y. 2008. Language loss and linguistic suicide: A case study from the Sierra Norte de Puebla, Mexico. *Toronto Working Papers in Linguistics*, 27.
- Dalmia, V., & Sharma, K. 2017. The moral dilemmas of the Fourth Industrial Revolution. *South African Journal of Industrial Engineering*, 3(1), 97-102.
- Fishbein, M., & Ajzen, I. 1975. *Beliefs, attitudes, intentions, and behavior: An introduction to theory and research*. Massachusetts: Addison-Wesley.
- Hashim Musa. 2008. *Hati budi Melayu: Pengukuhan menghadapi cabaran abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Idid, S.A. 2015. I teach what? You want what? Matching the training needs of media and media-related industries and needs of academe. AMIC. Seminar on Communication Education and the Needs of the Media, Kuala Lumpur.
- Jalaludin Chuchu. 2008. Bahasa Melayu Brunei dan identiti: hala tuju ke depan. *Jurnal Linguistik Indonesia*, 2: 185-196.

- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. 2010. Pemansuhan dasar PPSMI : Tinjauan daripada persepsi parti politik , ahli akademik dan NGO serta pengalaman di sekolah. *Jurnal Melayu*, (5): 177-197.
- Kamaruddin Illias & Che Aleha Ladin. 2018. Pengetahuan dan kesediaan Revolusi Industri 4.0 dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 6(2), 18-26.
- Kamal Shukri Abdullah Sani. 2007. Bahasa Melayu apa sudah jadi? Selangor: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Kelman, H. C. 1997. Nationalism, patriotism, and national identity: social-psychological dimensions. Dalam Bar-Tal, D & Staub, E. (Eds.), *Patriotism In The Lives Of Individuals And Groups*. Chicago: Nelson-Hall Publishers.
- Kementerian Belia & Sukan. 2016. *Penilaian Outcome Indeks Belia Malaysia 2016 (IBM '16)*. Putrajaya: Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia Malaysia.
- Kotler, Philip. 2000. *MarketingManagemen:Analysis, Planning, Implementation, and Control. 9th Edition*. New Jersey, Prentice Hall International.
- Marsudi. 2009. Jati diri bahasa Indonesia di era globalisasi teknologi informasi. *Jurnal Sosial Humaniorah*, 2 (2) : 133-148.
- Mohd. Yusof Othman, Jawiah Dakir, Abd. Latif Samian, Mohd. Safar Hasim, Noor Aziah Mohd Awal, Shamsul Azhar Yahya, Rosilawati Mohd. Hanapi, Noralina Omar, Mujahid Abu Bakar. 2010. Jati diri kebangsaan dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. *Jurnal Hadhari Special Edition (2012)* 67-78.
- Mueller, D. J. 1992, Mengukur sikap sosial: Pegangan untuk peneliti dan praktisi. (E.S.Kartawidjaja). Jakarta: Radar Jaya Offset.
- Ramlah Adam. 2005. Kajian tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan Rukun Negara di kalangan pelajar IPT. *Geran Penyelidikan*, Jabatan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional.
- Shagul Hamid. 2009. Patriotisme Kemandirian Kita. Dlm Abdul Rahman Abdul Aziz (Ed.), *Patriotisme Kemandirian Kita (Pertama., hlm. 47–60)*. Kedah: Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad Universiti Utara Malaysia.
- Siti Mahani Muhazir & Nazlinda binti Ismail. 2015. Generasi Z: tenaga kerja baru dan cabarannya.https://docs.jpa.gov.my/docs/pelbagai/Artikel/2015/Generasi_Z.pdf. [11 Jun 2019]
- Siti Rahimah Mustaffa, Raja Masittah Raja Ariffin & Normahdiah Sheikh Said. 2014. Kekeliruan jati diri punca bahasa bercampur aduk. *Jurnal Bahasa*, 14(1): 134-158.
- Teo Keok Seong. 2012. Bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan dan jati diri. Prosiding Persidangan Kebangsaan Bahasa Melayu Setelah 55 Tahun Merdeka.
- Venturin, B. 2019. "I Don't Fit in Here and I Don't Fit in There:" Understanding theConnections between L1 Attrition and Feelings of Identity in 1.5 Generation Russian Australians. *Heritage Language Journal*, 16(2), 238-268.
- Yamasaki, E. 2020. Yucatec Maya Language on the Move: Considerations on Vitality of Indigenous Languages in an Age of Globalization. In Siragusa L. & Ferguson J. (Eds.), *Responsibility and Language Practices in Place* (pp. 99-114). Helsinki: Finnish Literature Society.
- Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon. 2014. Sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 134: 408-415.
- Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohd. Mahzan Awang & Peng, Chew Fong. 2017. Tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan jati diri bahasa Melayu dalam kalangan pelajar aliran pendidikan Universiti Awam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*, 7(1):1-10.
- Zulkifley Hamid, Rahim Aman & Karim Harun. 2010. Sikap Terhadap Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes Di Pantai Timur Semenanjung. *Jurnal Melayu*, (5) 2010: 163-176.
- Zwisler, Joshua James. 2018. Language Policy and the Construction of National Identity in Colombia. *En revista Encuentros*, 16 (01), 133-146.